

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1994/95**

**Oktober/November 1994**

**FKF 111 Kimia Am Farmasi**

**Masa: (3 jam)**

---

Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** soalan dan 17 muka surat yang bertaip.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Soalan 1 adalah wajib dan mesti dijawab di atas skrip yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

ANGKA GILIRAN: .....

1. **Soalan Pilihan Berganda.** Jawab semua soalan dengan menandakan (✓) pada ruang yang dikhaskan bertentangan dengan jawapan atau pernyataan yang **BETUL ATAU PALING SESUAI** bagi sesuatu soalan. Hanya **SATU** jawapan/pernyataan sahaja yang betul atau paling sesuai bagi tiap-tiap soalan. Sebahagian markah akan ditolak bagi jawapan yang salah.

1 . Apakah maksudnya "isoterma"?

- .... (A) Lengkungan P-V pada suatu suhu tertentu
- .... (B) Lengkungan V-T pada suatu tekanan tertentu
- .... (C) Lengkungan P-V pada suatu isipadu tertentu
- .... (D) Tiada jawapan di atas yang betul

2 . Yang mana dari persamaan-persamaan berikut dipanggil persamaan Clapeyron?


- .... (A)  $dP/dT = P \Delta H_{vap}/RT^2$
- .... (B)  $dP/dT = \Delta H_{vap}/T(V_v - V_l)$
- .... (C)  $P_i = x_i P_i^o$
- .... (D) Tiada jawapan di atas yang betul

ANGKA GILIRAN: .....

3. Terdapat satu sampel He dan satu sampel Xe pada suhu dan tekanan yang sama. Yang mana dari kuantiti-kuantiti berikut bagi sempel He tidak akan sama dengan sampel Xe?
- .... (A) Bilangan molekul per unit isipadu  
.... (B) Tenaga kinetik per molekul  
.... (C) Halaju punca min kuasa dua  
.... (D) Tiada jawapan di atas yang betul
4. Suatu belon dibuat daripada getah yang tertelapkan kepada hidrogen dan semua bentuk isotopnya. Jika belon ini diisikan dengan gas deuterium ( $D_2$ ) dan kemudian diletakkan di dalam suatu petak yang mengandungi  $H_2$  tulen, apa akan terjadi?
- .... (A) Belon akan mengembang  
.... (B) Belon akan mengecut  
.... (C) Tiada kesan  
.... (D) Belon mula-mula mengecut dan kemudian mengembang
5. Dalam suatu proses industri, suatu gas perlu dipanaskan ke 500K di dalam suatu bekas dengan isipadu malar. Jika gas itu masuk bekas pada tekanan 100 atm dan suhu 300K, apakah tekanan gas pada 500K?
- .... (A) 30 atm  
.... (B) 60 atm  
.... (C) 167 atm  
.... (D) 227 atm

ANGKA GILIRAN: .....

6. Yang mana dari tindak-tindak balas berikut mempunyai tempoh setengah hayat ( $t_{1/2}$ ) yang tidak bergantung kepada kepekatan permulaan reaktan?
- .... (A) Tindak balas tertib sifar  
.... (B) Tindak balas tertib pertama  
.... (C) Tindak balas tertib kedua  
.... (D) Tindak balas tertib ketiga
7. Faktor-faktor berikut mempengaruhi kadar tindak balas dalam larutan kecuali
- .... (A) isipadu  
.... (B) mangkin  
.... (C) suhu  
.... (D) kepekatan
8. Perubahan tenaga keupayaan yang berlaku untuk suatu tindak balas eksotermik adalah seperti di bawah:



X ialah

- .... (A) kompleks yang diaktifkan  
.... (B) perantara  
.... (C) reaktan  
.... (D) hasil tindak balas

**182**

ANGKA GILIRAN: .....

9. Pilih pernyataan(-pernyataan) yang benar.
- (i) Fungsi keadaan ialah satu sifat sistem yang mempunyai nilai tertentu bagi setiap keadaan.
  - (ii) Fungsi keadaan tidak bergantung kepada cara bagaimana keadaan ini diperolehi.
  - (iii) Contoh-contoh fungsi keadaan ialah tekanan, isipadu, suhu dan kerja.
- .... (A) Semua adalah benar  
.... (B) Hanya (i) dan (ii) adalah benar  
.... (C) Hanya (ii) dan (iii) adalah benar  
.... (D) Hanya (i) dan (iii) adalah benar
10. Tentukan penambahan entalpi bagi 100 gm  $\text{H}_2\text{O}$  yang bertukar daripada ais pada  $-10^\circ\text{C}$  kepada air pada  $15^\circ\text{C}$ . Haba pelakuran bagi ais ialah  $6.01 \text{ kJ mol}^{-1}$  dan kapasiti haba bagi ais dan air ialah  $37.8 \text{ J mol}^{-1} \text{ darjah}^{-1}$  dan  $75.9 \text{ J mol}^{-1} \text{ darjah}^{-1}$  masing-masing.
- .... (A)  $41.8 \text{ kJ}$   
.... (B)  $418 \text{ kJ}$   
.... (C)  $20.6 \text{ kJ}$   
.... (D)  $206 \text{ kJ}$
11. Konduksian larutan elektrolit kuat dapat diterangkan dengan
- .... (A) Teori Debye-Hückel  
.... (B) Teori Arrhenius  
.... (C) Teori Dalton  
.... (D) Prinsip Le Chatelier

ANGKA GILIRAN: .....


12. Yang mana dari pernyataan-pernyataan berikut adalah benar bagi proses elektrolisis?

- .... (A) Tenaga kimia ditukar menjadi tenaga elektrik
- .... (B) Tenaga elektrik ditukar menjadi tenaga kimia
- .... (C) Tenaga elektrik ditukar menjadi haba
- .... (D) Tenaga elektrik ditukar menjadi tenaga kinetik

13. Jika  $\text{H}_2\text{SO}_4$  100% bercerai (ke  $\text{H}^+$  dan  $\text{HSO}_4^-$ ) dan  $\text{HSO}_4^-$  10% bercerai (ke  $\text{H}^+$  dan  $\text{SO}_4^{2-}$ ), berapakah takat beku bagi 0.100 m  $\text{H}_2\text{SO}_4$ ?

- .... (A)  $-0.186^\circ\text{C}$
- .... (B)  $-0.372^\circ\text{C}$
- .... (C)  $-0.391^\circ\text{C}$
- .... (D)  $-0.409^\circ\text{C}$

14. Hitungkan bilangan mililiter 0.10-M  $\text{KMnO}_4$  yang diperlukan untuk bertindak balas dengan 0.01 mol ion oksalat  $\text{C}_2\text{O}_4^{2-}$ , mengikut tindak balas



- .... (A) 100
- .... (B) 40
- .... (C) 250
- .... (D) tiada jawapan di atas yang betul

ANGKA GILIRAN: .....

15. Satu campuran terdiri daripada dua cecair yang terlarutcampurkan, iaitu campuran ini mempunyai satu fasa sahaja. Apakah biasanya akan menjadi takat didihnya?
- .... (A) terletak di antara takat-takat didih bagi dua komponennya  
.... (B) lebih tinggi daripada kedua-dua takat didih bagi komponen-komponennya  
.... (C) lebih rendah daripada kedua-dua takat didih bagi komponen-komponennya  
.... (D) tidak boleh diramalkan
16. Satu campuran terdiri daripada dua cecair yang tak terlarutcampurkan, iaitu campuran ini mempunyai dua fasa. Biasanya, apakah akan terjadi pada takat didihnya?
- .... (A) terletak di antara takat-takat didih bagi dua komponennya  
.... (B) lebih tinggi daripada kedua-dua takat didih bagi komponen-komponennya  
.... (C) lebih rendah daripada kedua-dua takat didih bagi komponen-komponennya  
.... (D) tidak boleh diramalkan

ANGKA GILIRAN: .....

17. Di antara unit-unit kepekatan bagi larutan berikut, yang manakah tidak berubah dengan suhu?

- (i) pecahan mol
  - (ii) kemolalan
  - (iii) kemolaran
  - (iv) peratus zat pelarut secara berat (w/w)
  - (v) peratus zat pelarut secara isipadu (w/v)
- .... (A) (i), (iv) dan (v)  
.... (B) (i), (ii) dan (iv)  
.... (C) (i), (iii) dan (iv)  
.... (D) (ii) dan (v)

18. Yang mana daripada pemalar-pemalar keseimbangan berikut bergantung kepada kedua-dua T dan P?

- .... (A)  $K_x$
- .... (B)  $K_c$
- .... (C)  $K_p$
- .... (D)  $K_x$  dan  $K_p$

ANGKA GILIRAN: .....

19. Asid kloroasetik ( $\text{ClCH}_2\text{COOH}$ ,  $pK_a = 2.86$ ) ialah suatu asid yang lebih kuat daripada asid asetik ( $\text{CH}_3\text{COOH}$ ,  $pK_a = 4.76$ ). Bagaimana tentang kekuatan bes bagi ion kloroasetat ( $\text{ClCH}_2\text{COO}^-$ ) dan ion asetat ( $\text{CH}_3\text{COO}^-$ )?
- .... (A)  $\text{ClCH}_2\text{COO}^-$  lebih kuat daripada  $\text{CH}_3\text{COO}^-$  sebagai suatu bes  
.... (B)  $\text{CH}_3\text{COO}^-$  lebih kuat daripada  $\text{ClCH}_2\text{COO}^-$  sebagai suatu bes  
.... (C)  $\text{ClCH}_2\text{COO}^-$  sama kekuatan besnya dengan  $\text{CH}_3\text{COO}^-$   
.... (D) tiada jawapan di atas yang betul
20. Dalam percubaan VI (kelas amali), larutan ferus ammonium sulfat dititratkan dengan larutan kalium dikromat. Sebelum pentitratan dijalankan, sejumlah 2M  $\text{H}_2\text{SO}_4$  ditambahkan. Apakah fungsinya?
- .... (A) untuk mengekalkan pH medium cukup rendah supaya penurunan kromium (VI) ke kromium (III) berjalan dengan lancar  
.... (B) untuk membentuk kromium (III) sulfat  
.... (C) untuk memperlambatkan pengoksidaan ion ferus oleh udara  
.... (D) semua jawapan di atas adalah betul

(20 markah)

...10/-